

16/03/1999

Tangani segera pencabulan di Kosovo

KUALA LUMPUR, Isnin - Malaysia meminta Poland menangani krisis pencabulan hak asasi di Kosovo dengan lebih cepat bagi mengelak lebih ramai rakyat negara itu terkorban.

Permintaan itu dibuat oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika beliau dikunjungi Presiden Poland, Alexander Kwasniewski, di pejabatnya, di sini hari ini.

Perdana Menteri melahirkan kebimbangan Malaysia mengenai krisis yang semakin meruncing itu dan berpendapat penyelesaian damai dilakukan terlalu perlahan.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Dr Mahathir turut berharap kezaliman yang kini berleluasa di Kosovo akan berakhir segera.

"Dr Mahathir menerangkan bahawa Malaysia ingin melihat tragedi Kosovo berakhir dan satu rumusan yang adil dapat dicapai," katanya pada sidang akhbar selepas Kwasniewski membuat kunjungan hormat ke atas Perdana Menteri.

"Poland turut memberi pendapat, bahawa tindakan yang diambil amat perlahan dan banyak kezaliman berlaku dan buat masa ini belum tercapai sebarang persetujuan secara muktamad untuk dilaksanakan," katanya.

(END)